

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

1. Senaraikan kes dan bilangan ancaman keselamatan yang diterima oleh PDRM dari tahun 2020 sehingga kini.
 - (a) Bagaimana kerajaan menangani masalah ancaman tersebut dalam meyakinkan masyarakat keselamatan mereka di negeri ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang tidak mempunyai statistik kes dan bilangan ancaman keselamatan dari tahun 2020 sehingga kini. Namun pihak PDRM Pulau Pinang takrifkan ancaman keselamatan yang diterima adalah berkaitan isu kebanjiran etnik Rohingya, ancaman sosial daripada warga asing dan ancaman ekonomi oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab dan cabaran kepada pihak PDRM untuk menangani seperti berikut:

Ancaman Keselamatan

1. Kebanjiran etnik Rohingya di negeri Pulau Pinang memberi impak negatif terhadap keselamatan sosial masyarakat setempat. Antara masalah-masalah yang ditimbulkan oleh golongan ini adalah mewujudkan suasana tidak selesa dan kotor di kawasan tempat tinggal mereka. Perkara ini boleh menyumbang kepada pelbagai penyakit berjangkit.
2. Golongan ini juga menyumbang kepada peningkatan kes jenayah di negeri Pulau Pinang dari segi kes bunuh, mencuri dan penglibatan dadah. Selain itu, golongan ini juga turut terlibat

- dalam kes jenayah terancang khususnya dalam membawa masuk etnik Rohingnya melalui jalan laut.
3. Golongan ini juga mewujudkan satu rangkaian jenayah melibatkan pemalsuan dokumen perjalanan contohnya Kad UNHCR palsu dan pemalsuan sijil nikah.

Ancaman Sosial

1. Golongan warga asing memperdaya warganegara tempatan dalam menjadikan sebagai pasangan mereka demi memulakan perniagaan atas nama warga tempatan. Ia berikutnya pihak berkuasa hanya mengeluarkan lesen perniagaan atas nama warga tempatan sahaja. Secara tidak langsung perkara ini memberi impak negatif terhadap ekonomi warga tempatan.
2. Dalam menangani isu ini pihak polis telah menjalankan pelbagai operasi dalam meruntuhkan rangkaian sindiket pemerdagangan manusia dan sindiket pemalsuan kad UNHCR dan pemalsuan sijil nikah di bawah Op Wawasan.

Ancaman Ekonomi

Pihak PDRM mengesan pelbagai kegiatan penjualan rokok dan arak tanpa cukai masih berleluasa di pasaran, walaupun pihak berkuasa sentiasa menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap pemilik premis yang terlibat. Selain itu, pihak PDRM juga mengesan penjualan bahan api dan minyak masak bersubsidi disimpan dalam stor dan akan dijualkan kepada individu tertentu sahaja dan diedarkan kepada pemilik restoran yang tertentu secara haram.

Cabaran Kepada PDRM

Sepanjang tempoh kajian, PDRM telah menjalankan tangkapan ke atas seramai lebih kurang 300 orang warga asing kerana terlibat kegiatan jenayah. Mereka yang ditangkap turut diusir ke negara asal melalui pihak Jabatan Imigresen Malaysia. Namun terdapat beberapa individu masuk semula ke Malaysia melalui pintu belakang dengan mengaburi pihak berkuasa. Hasil semakan ke atas individu tersebut, didapati dokumen yang dimiliki oleh mereka adalah sah mengikut undang-undang Malaysia. Perkara ini menjadi satu cabaran dan persoalan kepada PDRM dalam menangani tindakan selanjutnya.

- (a) Dalam usaha menangani masalah ancaman tersebut dan meyakinkan masyarakat keselamatan di Pulau Pinang adalah terjamin, pihak PDRM lebih aktif dalam menjalankan Program *Out Reach* melibatkan masyarakat setempat. Program ini lebih kepada memberi taklimat keselamatan kepada masyarakat setempat dalam memberi kesedaran terhadap ancaman semasa negara dan trend jenayah semasa yang berlaku di negara. Bermula tahun 2020, PDRM telah menjalankan sebanyak 80 program terhadap masyarakat setempat. Tidak dinafikan program ini membawa impak positif di kalangan masyarakat di mana beberapa orang awam menghubungi pihak polis terlebih dahulu apabila mereka menerima panggilan telefon palsu atau *scam*. Dengan ini masyarakat dapat menyelamatkan diri daripada sindiket penipuan *scam*.

Selain itu, pihak PDRM juga menjalankan program *engagement* bersama dengan agensi kerajaan, swasta dan pemimpin setempat. Ia bertujuan untuk menjalinkan hubungan baik dengan pihak lain selaras dengan slogan PDRM ‘Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada’. Di samping itu, program ini juga mewujudkan suasana yang selamat di kalangan masyarakat setempat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

2. Senaraikan bilangan yang telah mendaftar PADU di Pulau Pinang.
 - (a) Senaraikan lokasi dibuka kaunter PADU di negeri ini.
 - (b) Berapakah kos yang telah dikeluarkan Kerajaan Negeri untuk mempromosikan PADU?
 - (c) Apakah masalah dihadapi yang menyebabkan masyarakat tidak mahu mengisi PADU?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Bilangan penduduk Pulau Pinang yang telah mendaftar Pangkalan Data Utama (PADU) dan segala perincian data adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri memandangkan PADU terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.
 - (a) Hasil semakan dengan pihak DOSM Pulau Pinang, sebanyak 646 kaunter PADU telah dibuka di seluruh Negeri Pulau Pinang mulai 2 Januari hingga 31 Mac 2024, hasil inisiatif DOSM Pulau Pinang di bawah Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri, ADUN, Ahli Parlimen (MP's), Persatuan Penduduk, Komuniti, Ketua Jabatan Negeri & Persekutuan, Pemimpin Masyarakat, Persatuan Keagamaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO's).
 - (b) Kerajaan Negeri tidak menanggung sebarang kos mempromosikan PADU kerana perlaksanaannya terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan sepenuhnya iaitu

Kementerian Ekonomi. Kemudiannya, dipanjangkan kepada semua Negeri.

- (c) Kerajaan Negeri juga tidak mempunyai data terperinci mengenai masalah dihadapi yang menyebabkan masyarakat tidak mahu mengisi PADU.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

3. Senaraikan tanah-tanah milik Kerajaan Persekutuan dan keluasan mengikut DUN di Pulau Pinang.
 - (a) Senaraikan kawasan yang dimohon oleh Kerajaan Negeri untuk membina Rumah Mampu Milik (RMM) dari tanah-tanah tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Berdasarkan semakan rekod sistem eTanah oleh Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang, senarai tanah milik Kerajaan Persekutuan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Sehingga tarikh berakhir pada 30 April 2024 di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP 2021–2025 atau lebih dikenali sebagai RMMPg, terdapat sembilan (9) projek Rumah Mampu Milik (RMM) yang melibatkan tanah-tanah Kerajaan Negeri berkeluasan 262.22 ekar telah dikenal pasti untuk diberimilik kepada LPNPP bagi tujuan pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM). Manakala, lima (5) projek Pembaharuan Semula Bandar berkeluasan 60.23 ekar yang melibatkan tanah milikan *sole proprietor* atau milikan tunggal seperti *State Secretary Incorporated (SSI)* dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dikenal pasti untuk dibangunkan di bawah projek tersebut.

Pada masa ini, pembangunan projek-projek RMMPg tidak menggunakan pakai tanah-tanah Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, LPNPP bagi pihak Kerajaan Negeri sedang dalam gerak kerja menjalankan kerjasama strategik dengan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan tanah-

tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) yang terbiar untuk pembangunan perumahan di negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

4. Berapakah kutipan premium tanah oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2020 sehingga kini?
 - (a) Berapa bilangan permohonan untuk menambah tempoh pajakan tanah bagi yang telah dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN)?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. Kutipan premium tanah oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2020 sehingga 2023 adalah sebanyak RM862,850,956.52. Perincian kutipan premium tanah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Jumlah permohonan pelanjutan tempoh pajakan dari tahun 2020 sehingga 2023 adalah sebanyak 303 permohonan. Perincian jumlah permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A**KUTIPAN PREMIUM TANAH NEGERI PULAU PINANG
BAGI TAHUN 2020 SEHINGGA 2023**

BIL.	JABATAN	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	JUMLAH (RM)
1	Pejabat Tanah dan Galian	41,034,931.89	263,484,997.96	53,453,115.85	69,179,951.06	427,152,996.76
2	Pejabat Daerah dan Tanah, Timur Laut	8,010,432.65	221,067,770.74	1,434,290.00	10,184,104.88	240,696,598.27
3	Pejabat Daerah dan Tanah, Barat Daya	8,047,210.00	6,856,161.37	6,637,595.64	14,517,550.06	36,058,517.07
4	Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara	3,706,425.94	7,511,521.10	10,078,150.76	5,747,841.58	27,043,939.38
5	Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah	15,439,562.30	8,023,856.00	17,174,483.47	21,813,938.17	62,451,839.94
6	Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan	3,346,676.00	21,584,171.25	21,609,673.48	22,906,544.37	69,447,065.10
JUMLAH		79,585,238.78	528,528,478.42	110,387,309.20	144,349,930.12	862,850,956.52

LAMPIRAN B**JUMLAH PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PAJAKAN
BAGI TAHUN 2020 SEHINGGA 2023**

BIL.	JABATAN	2020	2021	2022	2023	JUMLAH
1	Pejabat Tanah dan Galian	19	11	20	39	89
2	Pejabat Daerah dan Tanah, Timur Laut	6	10	5	45	66
3	Pejabat Daerah dan Tanah, Barat Daya	0	2	0	3	5
4	Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara	2	3	4	10	19
5	Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah	7	0	21	77	105
6	Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan	1	8	1	9	19
JUMLAH		35	34	51	183	303

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

5. Senaraikan tanah-tanah dan status tanah yang diambil oleh kerajaan untuk pembinaan LRT.
 - (a) Berapakah anggaran kos pengambilan tanah tersebut dan pihak mana yang akan menanggung kos tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

5. Kos pengambilan balik tanah dianggarkan sebanyak 1.53 bilion dan dijangka sebanyak 236 lot tanah akan terlibat dalam proses pengambilan balik tanah untuk Laluan Mutiara dari Permatang Damar Laut hingga ke Penang Sentral. Walau bagaimanapun, perincian lot-lot tanah yang akan terlibat masih dalam peringkat pemuktamadan.

Selain dari itu, terdapat tanah-tanah dari pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang akan terlibat dalam proses pengambilan tanah juga.

Kos-kos pengambilan balik tanah akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan menerusi anggaran kos pelaksanaan projek.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

6. Senaraikan permohonan tanah TOL yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk projek pertanian mengikut DUN dari tahun 2020 sehingga kini.
 - (a) Senaraikan projek-projek yang dijalankan di tanah-tanah tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Permohonan tanah Lesen Pendudukan Sementara (LPS) yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk projek pertanian mengikut DUN dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**JUMLAH PERMOHONAN TANAH LPS UNTUK PROJEK PERTANIAN
BAGI TAHUN 2020 SEHINGGA 2024**

BIL.	JABATAN	2020			2021			2022			2023			2024		
		PADI	SAYUR	BUAH-BUAHAN	PADI	SAYUR	BUAH-BUAHAN	PADI	SAYUR	BUAH-BUAHAN	PADI	SAYUR	BUAH-BUAHAN	PADI	SAYUR	BUAH-BUAHAN
1	Pejabat Daerah dan Tanah, Timur Laut															
a	DUN Pava Terubong	0	0	0	0	0	0	0	1	3	0	1	1	0	1	0
2	Pejabat Daerah dan Tanah, Barat Daya															
a	DUN Pulau Betong	0	0	0	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0
b	DUN Bayan Lepas	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0
c	DUN Teluk Bahano	0	0	0	0	6	1	0	0	0	0	3	0	0	1	0
d	DUN Batu Maung	0	0	0	0	2	1	0	0	0	0	1	1	0	0	0
e	DUN Pantai Jerejak	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3	Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara															
a	DUN Penaga	0	0	0	1		2	0	2	1	1	2	1	0	0	0
b	DUN Bertam	2	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0
c	DUN Pinang Tunggal	0	0	0	0		2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
d	DUN Permatang Berangan	0	0	0	1	3	0	0	1	0	1	1	1	0	0	0
e	DUN Sungai Puvu	0	2	1	0	0	0	0	0	1	0	1	1	0	0	0
4	Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah															
a	DUN Penanti	0	0	2	1	0	35	0	0	9	0	0	9	0	0	1
b	DUN Berapit	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1	0	0	0
c	DUN Padang Lalang	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	3	0	0	0	0
d	DUN Bukit Tengah	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
e	DUN Machang Bubok	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	1	0	0	1
5	Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan															
a	DUN Bukit Tambun	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
b	DUN Sungai Bakao	0	0	5	0	0	5	0	0	1	0	0	5	0	0	0
c	DUN Jawi	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0
d	DUN Sungai Aceh	0	0	8	0	0	7	0	0	2	0	0	4	0	0	1
JUMLAH KESELURUHAN		2	2	18	3	16	54	0	5	19	2	14	26	0	2	3

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

7. Senaraikan kes jenayah di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kes jenayah di negeri ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), statistik kes jenayah indeks di negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga tahun 2023 adalah seperti berikut :-

BIL.	KATEGORI JENAYAH	2020	2021	2022	2023
1	BUNUH	15	13	10	12
2	ROGOL	88	89	124	98
3	SAMUN BERKAWAN SENJATA API	1	0	1	1
4	SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATA API	258	260	212	193
5	SAMUN SENJATA API	0	0	0	0
6	SAMUN TANPA SENJATA API	166	191	193	183
7	MENCEDERAKAN	314	379	406	334
8	LAIN-LAIN KECURIAN	859	1235	1018	1180
9	CURI MOTOKAR	156	97	143	153
10	CURI MOTOSIKAL	1231	761	696	674
11	CURI VAN/ LORI/ JENTERA BERAT	29	22	33	31
12	PECAH RUMAH	736	785	626	746
JUMLAH KESELURUHAN JENAYAH		3853	3832	3462	3605

- (a) Dalam usaha mengurangkan kadar jenayah di negeri Pulau Pinang, pihak PDRM bersama agensi-agensi Kerajaan Negeri yang lain telah mengambil beberapa langkah agar masalah sosial dan kes jenayah tidak terus meningkat, keselamatan dan keselesaan orang ramai terus terjamin. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:
- i. Semua Ketua Polis Daerah telah diarah untuk mempertingkatkan pencegahan jenayah dengan menambahkan anggota polis beruniform, membuat rondaan bit jalan kaki dan **Unit Rondaan Bermotosikal (URB)**, rondaan kereta peronda dan operasi-operasi berkala seperti **Op Lusuh, Op Pintu, Op Lejang dan Op Cegah Jenayah**. Kesemua penugasan ini ditumpukan ke atas tempat-tempat sasaran yang menghadapi peningkatan jenayah;
 - ii. Tindakan proaktif juga diambil bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan NGO-NGO bagi menerangkan dan menghebahkan maklumat dari segi menjaga harta benda dan nyawa. Ini termasuklah mengadakan **kempen, ceramah dan penubuhan Rakan Cops** untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri; dan
 - iii. Jenayah-jenayah yang menjadi penyumbang utama kes seperti samun, curi motosikal, pecah rumah dan ragut akan ditangani secara lebih berkesan dengan penubuhan **Task Force** di peringkat IPK dan daerah dalam usaha menangani jenayah tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

8. Senaraikan bilangan kes *bankrupt* di negeri ini mengikut kategori umur dan bangsa.
 - (a) Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu mereka yang *bankrupt*?
 - (b) Apakah usaha kerajaan dalam memberi literasi pengurusan kewangan kepada masyarakat?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

8. Berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia Negeri Pulau Pinang, kes kebankrapan yang berada di bawah pentadbiran Jabatan Insolvensi Cawangan Pulau Pinang mencatatkan statistik sebanyak 1,483 kes daripada jumlah keseluruhan kes sebanyak 27,358 yang ditadbir oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) untuk tempoh 2020 sehingga April 2024. Manakala, jumlah kebankrapan yang paling tinggi adalah golongan yang berumur dari 35 hingga 44 tahun yang mencatatkan iaitu sebanyak 35.87% dan diikuti oleh golongan umur 45 hingga 54 tahun iaitu sebanyak 28.86%. Didapati juga mereka yang berbangsa Cina mencatatkan jumlah kebankrapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 47.94%, diikuti oleh bangsa Melayu sebanyak 42.55% dan 8.43% yang terdiri daripada bangsa India. Perincian seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Bagi memastikan kejayaan inisiatif yang dirancang, Jabatan Insolvensi Malaysia menerusi program Jelajah Jabatan Insolvensi Malaysia 2024 telah memperkasa hebahan maklumat, intipati dan pelaksanaan Dasar Peluang Kedua. Jabatan Insolvensi Negeri Pulau Pinang turut menyertai

program yang diadakan oleh Kerajaan Negeri seperti Program Madani Afiat dan Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat Peringkat Negeri Pulau Pinang 2023 anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang di SMK Bukit Gambir, Gelugor, Pulau Pinang pada 19 November 2023 dan pameran Insolvensi di Konvensyen Media Madani: Komunikasi Strategik dan Digital anjuran YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) dan YB Menteri Komunikasi dan Digital di Bertam Resort, Pulau Pinang pada 24 Julai 2023.

- (b) Kerajaan telah mengambil pendekatan untuk memberi literasi pengurusan kewangan dan pendedahan mengenai keterhutangan yang serius dalam kalangan rakyat melalui program Mdl Prihatin. Program tersebut dijalankan dengan meluas dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Institusi Pendidikan Tinggi, agensi kerajaan dan swasta serta Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Selain pendedahan melalui media sosial, media cetak dan media elektronik, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan pameran Program Celik Kewangan dan Klinik Insolvensi di Karnival Bukit Gelugor anjuran YB Tuan Ramkarpal Singh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) seperti berikut:

- (i) Perkarangan Flat Kampung Melayu Air Itam, Pulau Pinang pada 15 Julai 2023;
- (ii) Padang Pasar Malam, Medan Angsana, Farlim, Pulau Pinang pada 23 Julai 2023; dan
- (iii) Perkarangan Masjid Taman Tun Sardon, Gelugor, Pulau Pinang pada 5 Ogos 2023.

LAMPIRAN

Julat perincian jumlah rakyat yang bankrap di negeri Pulau Pinang mengikut golongan umur dari tahun 2020 sehingga April 2024 adalah seperti berikut:

GOLONGAN UMUR	TAHUN					JUMLAH	PERATUS
	2020	2021	2022	2023	2024		
DI BAWAH UMUR 25 TAHUN	1	0	0	0	0	1	0.07%
25-34 TAHUN	54	68	41	43	9	215	14.5%
35-44 TAHUN	135	122	133	105	37	532	35.87%
45-54 TAHUN	109	99	116	81	23	428	28.86%
55 TAHUN DAN KE ATAS	85	83	67	51	14	300	20.23%
TIADA MAKLUMAT	2	1	0	3	1	7	0.47
JUMLAH	386	373	357	283	84	1,483	100

Pecahan bangsa bagi kes kebankrapan di negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga bulan April 2024 adalah seperti berikut:

BANGSA	TAHUN					JUMLAH	PERATUS
	2020	2021	2022	2023	2024		
MELAYU	155	161	154	122	39	631	42.55%
CINA	202	166	174	131	38	711	47.94%
INDIA	27	42	24	26	6	125	8.43%
LAIN-LAIN	0	4	5	2	0	11	0.74%
BUKAN WARGANEGARA	2	0	0	2	1	5	0.34%
JUMLAH	386	373	357	283	84	1,483	100%

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

9. Berapakah jumlah yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri daripada Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di bawah Kementerian Ekonomi pada tahun 2023?
 - (a) Senaraikan program yang telah dijalankan dan bilangan penerima manfaat di bawah inisiatif rintis IPR iaitu INTAN, INSAN dan IKHSAN.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kementerian Ekonomi telah melantik sebuah Agensi Badan Berkanun, iaitu Northern Corridor Economic Region Malaysia (NCER Malaysia) sebagai penyelaras peruntukan bagi program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) bagi Zon Utara (Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Perak). Oleh itu, tiada penyaluran dana bagi Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) disalurkan secara terus kepada Kerajaan Negeri.
 - (a) Senarai program yang dijalankan di bawah Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) adalah seperti berikut:
 - (i) Pembasmian Kemiskinan Tegar (IPR BMT);
 - (ii) Inisiatif Usahawan Makanan (IPR INSAN);
 - (iii) Inisiatif Usahawan Tani (IPR INTAN); dan
 - (iv) Inisiatif Operator Perkhidmatan (IPR IKHSAN).

Jumlah bilangan penerima bagi program IPR INTAN, INSAN dan IKHSAN adalah seramai 405 orang. Perincian bilangan penerima mengikut program IPR adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

JUMLAH BILANGAN PENERIMA MENGIKUT PROGRAM IPR INTAN, INSAN DAN IKHSAN

JENIS PROGRAM IPR	DTL	DBD	SPU	SPT	SPS	JUMLAH
IPR INSAN	35	17	41	52	34	179
IPR INTAN	10	25	45	40	18	138
IPR IKHSAN	1	10	28	37	12	88
JUMLAH	46	52	114	129	64	405

Data diperolehi daripada *Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)*

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

10. Senaraikan agensi-agensi kerajaan yang membantu masyarakat bumiputera di Pulau Pinang.
 - (a) Apakah usaha kerajaan dalam meningkatkan pendapatan isi rumah per kapita bumiputera negeri ini?
 - (b) Senaraikan tanah-tanah yang berjaya dibeli daripada Program Perolehan Tanah Strategik Pulau Pinang di bawah Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Senarai Agensi/Jabatan Kerajaan yang membantu menyelaraskan program pembangunan bumiputera di Pulau Pinang di bawah Majlis Pembangunan Bumiputera (MPBPP) adalah sepetimana ketetapan berikut:
 - (i) Kerajaan Negeri Pulau Pinang;
 - (ii) Jabatan Pembangunan Kemahiran, KSM;
 - (iii) Universiti Sains Malaysia;
 - (iv) UiTM Cawangan Pulau Pinang;
 - (v) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC);
 - (vi) Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang;
 - (vii) Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pulau Pinang;

- (viii) Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Negeri Pulau Pinang;
 - (ix) MARA Negeri Pulau Pinang;
 - (x) FAMA Negeri Pulau Pinang;
 - (xi) Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang;
 - (xii) Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Negeri Pulau Pinang;
 - (xiii) Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Pulau Pinang;
 - (xiv) Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA);
 - (xv) JKP Sdn Bhd;
 - (xvi) UDA Land (North) Sdn Bhd;
 - (xvii) PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd.; dan
 - (xviii) Jabatan Penyelarasan Pengurusan Bumiputera, ICU, Jabatan Perdana Menteri.
- (a) Pelbagai usaha telah dibuat menerusi MPBPP dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan bumiputera di negeri Pulau Pinang. Statistik bagi tahun 2023 menunjukkan seramai 7,985 penerima manfaat melibatkan 35 program yang telah dilaksanakan di bawah MPBPP berlandaskan skop program seperti berikut:
- (i) Melaksanakan perolehan tanah strategik di Pulau Pinang bagi tujuan pembangunan perumahan mampu milik oleh agensi pelaksana di bawah MPBPP khusus untuk bumiputera Pulau Pinang;
 - (ii) Menawarkan program pembangunan pendidikan dan pengukuhan akademik kepada pelajar di sekolah rendah dan menengah;
 - (iii) Menyediakan kursus/latihan kemahiran jangka pendek dan sederhana termasuk menawarkan pensijilan

profesional yang berkaitan termasuk memperkasakan pelaksanaan Tahfiz TVET;

- (iv) Menyediakan kursus/latihan keusahawanan kepada usahawan bumiputera dalam meningkatkan daya saing perusahaan bumiputera di Pulau Pinang; dan
- (v) Menyediakan kursus/latihan kemahiran kepada golongan belia & beliawanis, penggiat industri pelancongan, wanita dan masyarakat bagi meningkatkan kemahiran mereka termasuk program penjanaan pendapatan dan seterusnya dapat meningkatkan taraf sosioekonomi peserta yang terdiri daripada bumiputera di Pulau Pinang.

Secara keseluruhannya, program/projek yang dilaksanakan ini adalah bersifat dinamik dan akan diselaraskan mengikut keperluan semasa di negeri Pulau Pinang.

- (b) Sebanyak 163.772 ekar tanah telah dibeli di bawah MPBPP dengan peruntukan sebanyak RM183,198,276.00 sepanjang RMKe-10 sehingga RMKe-12. Jumlah ini merangkumi empat (4) daerah di negeri Pulau Pinang iaitu:

Nama Daerah	Keluasan
Timur Laut	7.247 ekar
Barat Daya	8.7 ekar
Seberang Perai Utara	98.79 ekar
Seberang Perai Selatan	49.035 ekar

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

11. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan negeri melalui sewaan tanah?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. Terdapat pelbagai cadangan dan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam meningkatkan hasil melalui sewaan tanah (cukai tanah) iaitu:
 - (i) Menjalankan kutipan tunggakan cukai melalui penguatkuasaan;
 - (ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan diskaun sebanyak 50% bayaran tunggakan denda lewat cukai tanah dan petak. Tawaran ini akan diberikan secara automatik kepada semua pembayar cukai tanah dan petak yang membuat pembayaran tunggakan denda lewat di kaunter hasil Pejabat Daerah dan Tanah dan juga secara dalam talian melalui portal PgLAND secara sekali gus;
 - (iii) Kerajaan Negeri di dalam proses untuk melaksanakan cadangan bagi semakan semula kadar cukai tanah sebagaimana yang digariskan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) selepas 30 tahun tidak disemak; dan
 - (iv) Cadangan untuk pengkelasan semula tanah desa ke bandar yang meliputi beberapa kawasan di Pulau dan Seberang Perai.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

12. Di bawah Penang Master Plan, senaraikan perkembangan projek terkini berkaitan Penang Smart Transportation and Mobility System, Penang Legend Sports and Entertainment City dan Edutourism City.
- (a) Berapa banyak peluang pekerjaan telah dan dapat disediakan daripada program-program ini?
 - (b) Berapakah pendapatan Kerajaan Negeri yang dapat diperoleh daripada program-program ini?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Projek Penang Smart Transportation and Mobility System, Penang Legend Sports and Entertainment City dan Edutourism City adalah merupakan inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang 2021-2030 (Penang Tourism Master Plan 2021-2030). Pelan induk ini diterajui oleh penyandang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Pelancongan dan Ekonomi Kreatif pada penggal keempat belas (2018-2023) dan diterbitkan pada bulan Mei 2021.

Projek-projek yang dinyatakan adalah merupakan projek-projek cadangan yang dikenal pasti berpotensi merancakkan pertumbuhan sektor pelancongan di Pulau Pinang untuk tempoh sepuluh (10) tahun akan datang. Projek-projek tersebut dicadangkan kerana keunikan, keaslian serta kesannya terhadap ekonomi, kesejahteraan sosial, rakyat dan alam sekitar.

Setakat ini, hanya beberapa elemen daripada projek Penang Smart Transportation and Mobility System sedang dalam pelaksanaan di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP). Antara inisiatif-inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan adalah penyediaan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik, pembinaan Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang, perkhidmatan feri, perkhidmatan taxi air (water taxi), pembinaan dan penaiktarafan laluan basikal serta perkhidmatan sewaan basikal LinkBike.

Selain itu, pengangkutan awam juga memainkan peranan dalam membentuk *smart mobility* di Pulau Pinang. Buat masa ini, Kerajaan Negeri telah membiayai beberapa program bas percuma dan juga Pas Mutiara yang menjadikan semua laluan bas milik Kumpulan Prasarana percuma di Pulau Pinang. Selain itu, kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk menggunakan bas elektrik sebagai bas awam di Pulau Pinang. Beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama pihak Kementerian Pengangkutan (MOT), Prasarana dan beberapa syarikat operator bas mengenai hasrat Kerajaan Negeri untuk menggunakan bas elektrik. Perkara ini akan diteliti dengan lebih lanjut sebelum pelaksanaannya dimuktamadkan.

Kerajaan Negeri kini juga ingin memberi fokus kepada projek-projek pembangunan yang sedang berjalan. Justeru, projek Penang Legend Sports and Entertainment City dan Edutourism City kini masih dalam penelitian lanjut dan dijangka akan dilaksanakan pada waktu yang bersesuaian di masa hadapan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa institusi-institusi pendidikan baharu yang telah memulakan operasi di Pulau Pinang dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

- (a) Program-program ini masih di peringkat awal pelaksanaan dan dijangka akan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk Pulau Pinang. Namun begitu, peluang pekerjaan sebenar belum dapat ditentukan.
- (b) Kebanyakan projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah keperluan sosial dan tidak berdasarkan keuntungan. Projek-projek penyediaan perkhidmatan pula seperti sewaan basikal LinkBike, feri dan

bas percuma adalah dilaksanakan oleh pihak ketiga. Walau bagaimanapun, faedah tidak langsung daripada infrastruktur dan perkhidmatan yang disediakan adalah seperti penyuraian kesesakan lalu lintas, tarikan pelancongan dan pertumbuhan industri-industri sampingan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

13. Dengan bilangan penduduk Melayu menjadi majoriti, 45.1 peratus di Pulau Pinang mengikut DOSM, adakah kuota agihan bagi RMM B dan C untuk Melayu akan ditingkatkan?
 - (a) Apakah langkah kerajaan dalam memudahkan penduduk Melayu terutama generasi muda memiliki rumah di negeri ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri telah menetapkan agihan kuota kaum mengikut kategori Rumah Mampu Milik (RMM) iaitu seperti di **Jadual 1** berikut:

KAUM	RMM A	RMM B & C
MELAYU	50%	30%
CINA DAN LAIN-LAIN	35%	55%
INDIA	15%	25%

Jadual 1: Agihan kuota kaum mengikut kategori RMM.

Agihan kuota ini adalah selaras dengan Dasar Pengagihan Kuota Pemilihan Perumahan Mampu Milik yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 26/2014 bertarikh 25 Julai 2014 dan selari dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030. Setakat ini, tiada rancangan untuk meminda agihan kuota berkenaan.

- (a) Kerajaan Negeri sentiasa memberikan keutamaan dalam memudahkan rakyat Pulau Pinang terutamanya generasi muda dalam memiliki rumah di negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang

(LPNPP) telah mewujudkan satu kategori baharu di bawah RMM B2 bagi memastikan lebih ramai rakyat Pulau Pinang terutamanya golongan muda di Pulau Pinang mampu memiliki rumah sendiri. Kategori RMM B2 tersebut akan ditawarkan dengan harga maksimum RM100,000.00 untuk unit rumah yang berkeluasan 750 kaki persegi dengan had pendapatan isi rumah bulanan pada kadar RM5,000.00. Dengan pengenalan kategori RMM B2 ini, ia mampu merancakkan pemilikan rumah oleh rakyat Pulau Pinang terutamanya golongan muda dan mengurangkan jurang harga antara RMM B1 berharga RM72,500.00 dan RMM C1 berharga RM150,000.00.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

14. Senaraikan tanah-tanah Kerajaan Negeri yang terbiar mengikut DUN.
- (a) Senaraikan tanah-tanah Kerajaan Negeri yang telah dijual kepada pihak ketiga atau pemaju dari tahun 2020 hingga 2023.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Berdasarkan Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (Akta 828) mendefinisikan tanah kerajaan sebagai semua tanah di dalam negeri termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai, tepi pantai serta dasar laut dalam lingkungan wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah. Selain daripada tanah berimilik, tanah rizab, tanah lombong dan mana-mana tanah yang buat masa itu adalah hutan simpan. Merujuk kepada definisi skop di atas, Pentadbir Tanah tidak mempunyai rekod ke atas tanah-tanah kerajaan yang dikategorikan sebagai terbiar.
- (a) Berdasarkan data Pejabat Tanah dan Galian, terdapat sebanyak 342 permohonan telah diluluskan pemberimilikan dari tahun 2020 sehingga tahun 2023 seperti di bawah:

Tahun	Jumlah Permohonan
2020	72
2021	78
2022	93
2023	99

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

15. Apakah pendirian Kerajaan Negeri tentang pesta arak *Oktoberfest*?

- (a) Apakah usaha Kerajaan dalam memastikan budaya yang bertentangan dengan budaya Malaysia diamalkan di negeri ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Arak adalah perkara yang diharamkan di dalam Islam. Masyarakat Islam di Pulau Pinang adalah ditegah dari terlibat dengan arak. Seksyen 19(1) EKJSNPP 1996 memperuntukkan denda RM3,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau keduanya bagi kesalahan meminum minuman yang memabukkan. Manakala Seksyen 19(2) memperuntukkan denda RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun atau keduanya bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam membuat, menjual, menawarkan atau mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli minuman yang memabukkan.

- (a) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) tetap dengan pendirian bahawa arak merupakan perkara yang diharamkan dalam Islam dan larangan terhadap penglibatan orang Islam dalam *Octoberfest* dikuatkuasakan dengan pemantauan yang berterusan dan bukan hanya pada perayaan tersebut. Selain itu, JHEAIPP melalui Bahagian Penguatkuasaan akan menjalankan operasi bagi mencegah perlakuan maksiat ini di samping memberi peringatan dan nasihat melalui pengedaran pamflet dan penganjuran kempen khusus kepada masyarakat Islam bagi menjauhi arak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

16. Apakah status terkini perjanjian perbekalan air terawat dengan Kerajaan Negeri Perak?
 - (a) Apakah kesan sekiranya perjanjian ini ditangguhkan?
 - (b) Apakah usaha lain untuk mengurangkan kebergantungan kepada air Sungai Muda?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri tidak pernah berputus asa dalam memastikan projek pemindahan air Sungai Perak ini dilaksanakan dengan segera. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan langkah awal dengan mengadakan pertemuan bersama Kerajaan Negeri Perak pada 9 November 2023 dan terkini adalah melalui taklimat pembangunan pada 5 April 2024 kepada YAB Perdana Menteri di mana YAB Ketua Menteri mohon supaya Kerajaan Persekutuan menjadi pemudahcara dalam memastikan pelaksanaan projek ini dapat dimulakan dengan segera dengan mengambil kira keperluan permintaan air yang semakin meningkat di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menyambut baik pengumuman oleh YAB Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapan di Majlis Penutup Program Madani Rakyat 2024 Zon Utara dan Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 Peringkat Pulau Pinang di Tapak Pesta Pulau Pinang pada 5 Mei 2024 menyatakan Tuanku Sultan Perak serta Kerajaan Negeri Perak bersetuju untuk membekalkan bekalan air dari Sungai Perak melalui

projek pembangunan *Kerian Integrated Green Industrial Park* (KIGIP) di mana Fasa pertama akan masuk ke Seberang Perai termasuk Nibong Tebal dan Sungai Bakap.

- (a) Negeri Pulau Pinang tidak dapat menampung permintaan air sehingga 2178 MLD menjelang tahun 2050 nanti dengan mengambil kira jumlah pengguna dan pembangunan di Negeri Pulau Pinang sekiranya projek ini ditangguhkan kerana projek pemindahan air dari Sungai Perak ini merupakan projek jangka masa panjang bagi memenuhi permintaan air menjelang tahun 2050.
- (b) Kerajaan Negeri melalui inisiatif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) juga telah merangka beberapa projek infrastruktur bekalan air melibatkan pelaburan sebanyak RM1.185 bilion di bawah Pelan Kontigensi Air 2030 (WCP 2030) untuk tempoh lima (5) tahun akan datang bagi menghadapi cabaran permintaan air yang sangat tinggi menjelang 2030. Projek-projek ini akan mengoptimum dan meningkatkan kapasiti rawatan air PBAPP di Pulau Pinang dan membolehkan Pulau Pinang memanfaatkan sumber air mentah tambahan baru di Seberang Perai iaitu Pembinaan Loji Rawatan Air Sungai Kerian di Seberang Perai Selatan dan Sungai Perai di Seberang Perai Utara. Dengan adanya inisiatif ini akan membantu Pulau Pinang meminimumkan krisis bekalan air dan seterusnya menunjukkan Kerajaan Negeri terus komited dalam memastikan bekalan air berterusan kepada penduduk Negeri Pulau Pinang. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui PBAPP juga sentiasa meneroka untuk melihat sumber-sumber baru yang berpotensi untuk dijadikan sumber bekalan air tambahan bagi Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun kajian lanjut melalui *feasibility study* perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi mengenal pasti keperluan-keperluan teknikal dari segi kualiti dan kuantiti sumber tersebut sesuai untuk dijadikan sumber air. Di antara sumber-sumber yang dikenal pasti adalah seperti berikut:
 - (i) Kebolehhasilan Sungai Kerian untuk sumber air mentah tambahan;
 - (ii) Kebolehhasilan Sungai Perai untuk sumber air mentah tambahan;

- (iii) Air Bawah Tanah (*Groundwater*);
- (iv) Kebolehhasilan air laut sebagai sumber alternatif (*Desalination*);
- (v) Kebolehlaksanaan coastal reservoir menggunakan sumber air Sungai Kerian;
- (vi) Kajian Kolam Takungan TAPS; dan
- (vii) *Water reclamation* untuk *non portable water*.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

17. Senaraikan garis masa untuk projek kereta kabel Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan EIA, SIA dan TIA bagi projek kereta kabel ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Projek kereta kabel Bukit Bendera mempunyai beberapa komponen yang akan dibangunkan dalam tempoh 18 bulan (anggaran semasa) yang dijangka akan bermula pada bulan Jun 2024 dan berakhir pada bulan Disember 2025. Garis masa pembinaan komponen-komponen ini adalah seperti di **JADUAL 1**.

JADUAL 1: GARIS MASA PELAKSANAAN PROJEK

BIL.	KOMPONEN	JANGKA MULA	JANGKA AKHIR
1	Parkir bertingkat	Jun 2024	Mac 2025
2	Stesen Taman (<i>Garden Station</i>)	Jun 2024	Jun 2025
3	Struktur penukaran laluan	Jun 2024	November 2024
4	Stesen Bukit (<i>Hill Station</i>)	Julai 2024	Ogos 2025
5	Tiang menara	Julai 2024	Mei 2025
6	Pemasangan cerucuk Caissons	Oktober 2024	Mei 2025

7	Pemasangan peralatan kereta kabel	Ogos 2024	September 2025
8	Pengujian dan pentauliahan	Oktober 2025	November 2025
9	Pentauliahan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)	Oktober 2025	Disember 2025

- (a) Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) telah disediakan berdasarkan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Menurut pengkategorian di bawah Perintah Akta Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015, pembangunan kereta kabel ini disenaraikan di bawah Jadual Pertama yang tidak memerlukan paparan awam dan ulasan awam melainkan diarahkan sebaliknya secara bertulis oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar. Laporan EIA bagi projek ini telah mendapat kelulusan pada 16 Januari 2024.

Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) bagi projek ini pula telah dilaksanakan berdasarkan kepada Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (PPSIA) 2023 yang telah diluluskan pada 27 November 2023. Menurut panduan ini, laporan SIA tidak tertakluk kepada proses pameran awam. Walau bagaimanapun, sebagai memenuhi keperluan dalam penyediaan laporan tersebut, sebanyak lapan belas (18) sesi perbincangan kumpulan focus, *Focus Group Discussion (FGD)* serta kajian soal selidik dan sesi tidak rasmi telah dijalankan dari 16 Ogos 2023 hingga 10 September 2023 melibatkan kumpulan-kumpulan berikut:

- i. Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen kawasan;
- ii. Agensi dan jabatan tenikal;
- iii. Institusi Pendidikan;
- iv. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO);
- v. Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT);
- vi. Kumpulan pendaki;
- vii. Institusi keagamaan
- viii. Penyedia perkhidmatan industri pelancongan;

- ix. Peniaga dan penyedia perkhidmatan jip di Bukit Bendera;
- x. Persatuan Penduduk Bukit Bendera; dan
- xi. Peniaga di sekitar kawasan Taman Botani.

Laporan Penilaian Impak Trafik (TIA) bagi projek ini telah disediakan mengikut panduan Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Kajian lapangan telah dilaksanakan pada bulan April dan Mei 2023. Laporan ini telah mendapat kelulusan dari MBPP pada 11 Disember 2023.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

18. Apakah fungsi Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri?
- (a) Senaraikan kampung-kampung warisan yang terdapat di Pulau Pinang.
 - (b) Senaraikan usaha kerajaan dalam menjadikan kampung-kampung di Pulau Pinang sebagai kampung warisan.
 - (c) Senaraikan kampung-kampung yang sedang diusahakan menjadi kampung warisan.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri telah diwujudkan untuk membantu Pesuruhjaya Warisan Negeri melaksanakan fungsinya seperti mana yang dinyatakan di bawah Seksyen 16, Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 iaitu:
- (i) Memastikan bahawa Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 ditakbirkan, dikuatkuasakan, diberi kuat kuasa, dijalankan dan dipatuhi;
 - (ii) Mengisyiharkan apa-apa warisan kebudayaan dan warisan semula jadi sebagai Warisan Negeri;
 - (iii) Menyelaras dengan Majlis Warisan Negeri berhubung dengan pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan;

- (iv) Menasihati Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, mananya badan atau agensi lain berhubung dengan pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan;
 - (v) Mewujud dan menyelenggara Daftar Warisan Negeri;
 - (vi) Menggalakkan dan memudahkan apa-apa penyelidikan yang berhubungan dengan warisan;
 - (vii) Mengawasi dan menyelia proses pemeliharaan dan pemuliharaan Warisan Negeri;
 - (viii) Menganjurkan program, pameran dan promosi pelancongan berhubung dengan pemeliharaan dan pemuliharaan Warisan Negeri;
 - (ix) Menyediakan atau mengeluarkan dasar, garis panduan atau arahan berhubung dengan pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan dan hendaklah selaras dengan dasar dan arahan Pesuruhjaya Warisan; dan
 - (x) Melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari masa ke semasa.
- (a) Senarai kampung-kampung warisan yang terdapat di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (b) Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang sedang membuat penelitian bagi setiap kampung untuk tujuan cadangan pendaftaran sebagai Warisan Negeri.

Namun kebanyakan kampung telah hilang karakter sebagai kampung tradisi kerana rumah-rumah tradisional telah diubah menjadi rumah batu moden. Penilaian yang teliti perlu dibuat sebelum pewartaan sesebuah kampung sebagai kampung warisan.

- (c) Pada masa kini, belum ada kampung yang disenarai sebagai Warisan Negeri.

LAMPIRAN A**SENARAI 56 KAMPUNG WARISAN DI PULAU PINANG**

BIL	NAMA KAMPUNG	KATEGORI	DAERAH
1	CLAN JETI	KAMPUNG ATAS AIR	DTL
2	KAMPUNG BATU UBAN	KAMPUNG TRADISIONAL	DTL
3	KAMPUNG DODOL	KAMPUNG TRADISIONAL	DTL
4	KAMPUNG MAKAM	KAMPUNG TRADISIONAL	DTL
5	JALAN BARU	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
6	KAMPUNG GENTING	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
7	KAMPUNG KUALA MUDA	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
8	KAMPUNG MANGGIS	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
9	KAMPUNG MASJID SUNGAI ARA	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
10	KAMPUNG PADANG KAMUNTING	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
11	KAMPUNG PERMATANG TEPI	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
12	KAMPUNG SERONOK	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
13	KAMPUNG SETUL	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
14	KAMPUNG SUNGAI BURUNG	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
15	KAMPUNG TERANG	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
16	Kg Kongsi Balik Pulau	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
17	PERMATANG PASIR	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
18	SUNGAI PINANG	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
19	SUNGAI RUSA	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
20	TELUK BAHANG	KAMPUNG TRADISIONAL	DBD
21	BAKAU TUA	KAMPUNG TRADISIONAL	SPU

LAMPIRAN A**SENARAI 56 KAMPUNG WARISAN DI PULAU PINANG**

BIL	NAMA KAMPUNG	KATEGORI	DAERAH
22	GUAR KEPAH	KAMPUNG TRADISIONAL	SPU
23	KOTA AUR	KAMPUNG TRADISIONAL	SPU
24	KUALA MUDA	KAMPUNG NELAYAN	SPU
25	LAHAR IKAN MATI	KAMPUNG TRADISIONAL	SPU
26	PEKAN DARAT	KAMPUNG TRADISIONAL	SPU
27	PENAGA	KAMPUNG TRADISIONAL	SPU
28	PERMATANG BENDAHARI	KAMPUNG TRADISIONAL	SPU
29	PERMATANG BERTAM	KAMPUNG TRADISIONAL	SPU
30	PERMATANG SUNGAI DUA	KAMPUNG TRADISIONAL	SPU
11	RANTAU PANJANG	KAMPUNG TRADISIONAL	SPU
32	TELUK AIR TAWAR	KAMPUNG TRADISIONAL	SPU
33	BUKIT INDERA MUDA	KAMPUNG TRADISIONAL	SPT
34	BUKIT TEH	KAMPUNG TRADISIONAL	SPT
35	CHEROK TO' KUN ATAS	KAMPUNG TRADISIONAL	SPT
36	JALAN GAJAH MATI	KAMPUNG TRADISIONAL	SPT
37	KAMPUNG KOTA	KAMPUNG TRADISIONAL	SPT
38	KAMPUNG MACHANG BUBOK	KAMPUNG TRADISIONAL	SPT
39	KUALA JURU	KAMPUNG NELAYAN	SPT
40	KUBANG SEMANG	KAMPUNG TRADISIONAL	SPT
41	PENANTI	KAMPUNG TRADISIONAL	SPT
42	PERMATANG RAWA	KAMPUNG TRADISIONAL	SPT
43	TANAH LIAT	KAMPUNG TRADISIONAL	SPT
44	KAMPUNG BAGAN BUKIT TAMBUN	KAMPUNG TRADISIONAL	SPS

LAMPIRAN A**SENARAI 56 KAMPUNG WARISAN DI PULAU PINANG**

BIL	NAMA KAMPUNG	KATEGORI	DAERAH
45	KAMPUNG BALIK BUKIT	KAMPUNG TRADISIONAL	SPS
46	KAMPUNG BAN LIAU	KAMPUNG TRADISIONAL	SPS
47	KAMPUNG JALAN STESEN	KAMPUNG TRADISIONAL	SPS
48	KAMPUNG KEPALA BATAS	KAMPUNG TRADISIONAL	SPS
49	KAMPUNG NANAS	KAMPUNG TRADISIONAL	SPS
50	KAMPUNG PERMATANG ARA	KAMPUNG TRADISIONAL	SPS
51	KAMPUNG SEBERANG TASEK	KAMPUNG TRADISIONAL	SPS
52	KAMPUNG SEKOLAH TASEK	KAMPUNG TRADISIONAL	SPS
53	KAMPUNG SEPULAU	KAMPUNG TRADISIONAL	SPS
54	KAMPUNG SUNGAI ACHEH	KAMPUNG TRADISIONAL	SPS
55	KAMPUNG TASEK CHEMPEDAK	KAMPUNG TRADISIONAL	SPS
56	PULAU AMAN	KAMPUNG NELAYAN	SPS

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

19. Senaraikan isu-isu terkini melibatkan kepenggunaan di negeri Pulau Pinang.
 - (a) Bagaimana Kerajaan Negeri membantu hak-hak pengguna dan senaraikan agensi-agensi yang terlibat.

**YB RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Mengikut rekod daripada Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDN), bagi tahun 2024 sehingga bulan Mei, sejumlah 931 aduan kepenggunaan telah diterima dengan isu tertinggi berkaitan harga dan transaksi dalam talian. Perincian lanjut mengikut kategori adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak KPDN amat komited dalam membantu pengguna khususnya menyebarluaskan kepentingan hak-hak pengguna kepada masyarakat. Pelbagai program dan advokasi pengguna telah dilaksanakan dan dirangka di bawah pihak KPDN meliputi pelbagai peringkat di bawah Kelab Pengguna Sekolah (pelajar sekolah), Gerakan Pengguna Siswa (pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam /Swasta), Gerakan Pengguna Daerah (komuniti) bagi merealisasikan hasrat ini seperti berikut:
 - (i) Klinik Tuntutan Tribunal Pengguna Malaysia (TTPM) di mana KPDN memberi advokasi berkaitan kepentingan dan hak sebagai pengguna dalam mendidik pengguna menjadi warga bermaklumat bagi melindungi pengguna

daripada penipuan dan menjadikan pengguna yang berani bertindak sekiranya ditipu melalui saluran yang betul;

- (ii) KPDN telah membangunkan dua (2) aplikasi iaitu *Price Catcher* dan *ezAdu*. Aplikasi *Price Catcher* ini merupakan inisiatif tindakan daripada kementerian bagi membantu pengguna untuk membandingkan serta menyemak dahulu harga sebelum membuat keputusan untuk membeli barang yang membolehkan pengguna mengambil tindakan serta keputusan yang lebih bijak. Manakala aplikasi *ezAdu* bagi memudahkan pengguna membuat sebarang aduan berkaitan kepenggunaan kepada KPDN;
- (iii) Aduan Suri bagi kumpulan sasaran suri rumah tangga yang lebih dekat dengan pembelian barang asas dengan aduan dibuat terus kepada KPDN talian khas *WhatsApp* telah dibangunkan 019/2794317 / 019848800; dan
- (iv) Melaksanakan pameran di pelbagai tempat bagi memberi advokasi berkaitan kepentingan hak-hak pengguna.

Agensi-agensi yang terlibat adalah Kementerian Belia Dan Sukan, Kastam Diraja Malaysia Negeri Pulau Pinang, Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Pejabat Daerah dan Tanah, Bahagian Pembangunan Ekonomi Negeri dan sebagainya yang merupakan ahli Gerakan Pengguna Negeri Pulau Pinang, Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

**LAPORAN MENGIKUT STATUS DAN KATEGORI ADUAN DI BAWAH BAHAGIAN PENGUATKUASA KEMENTERIAN
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP MALAYSIA (KPDN) BAGI TAHUN 2024**

BIL.	KATEGORI ADUAN	JUMLAH ADUAN DITERIMA
1	Harga	233
2	Cetak Rompak	1
3	Barang Kawalan	72
4	Timbang dan Sukat	2
5	Jualan Langsung	4
6	Sewa Beli Kenderaan	14
7	Transaksi Barang Kawalan Tanpa Lesen	0
8	Gagal Mematuhi Award Tribunal Tuntutan Pengguna	0
9	Perihal Harga	0
10	Perkhidmatan Mengelirukan	169
11	Barang Tiruan	20
12	Perihal Halal	0
13	Jualan Murah	31
14	Jualan Bahan Petroleum	0
15	Bengkel Kenderaan Bermotor	32
16	Iklan Mengelirukan	30
17	Peraturan Standard Keselamatan (MC/MS)	0
18	Halal	0
19	Transaksi Dalam Talian	258
20	Gores & Menang	0
21	Kenaikan Harga	0
22	Anti Pencatutan	0
23	Label Cakera Optik	0
24	Badan Perlesenan (Royalti)	9
25	Perihal Perdagangan Palsu	38
26	Barang-barang Yang Diperbuat Daripada Mana-mana Bahagian Anjing/Babi	0
27	Skim Piramid	3

LAMPIRAN A**LAPORAN MENGIKUT STATUS DAN KATEGORI ADUAN DI BAWAH BAHAGIAN PENGUATKUASA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP MALAYSIA (KPDN) BAGI TAHUN 2024**

BIL.	KATEGORI ADUAN	JUMLAH ADUAN DITERIMA
28	Jualan Kredit	12
29	Ejen Pemilikan Semula	0
30	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	2
31	Standard Keselamatan (Tanda Pematuhan MC/Penandaan MS,MS SIRIM,Ex,DOT)	1
JUMLAH		931

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

20. Senaraikan tempat terkini yang dicadangkan oleh Penang Global Tourism (PGT) sebagai tempat pelancongan di DUN Sungai Dua.
 - (a) Berapakah peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk tempat pelancongan di DUN ini?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Tempat-tempat pelancongan di DUN Sungai Dua adalah Masjid Jamek Haji Abdul Rashid Sungai Dua, Air Hitam Dalam *Educational Forest* dan pusat makanan tempatan. PGT mempromosikan tempat pelancongan di Sungai Dua melalui media sosial dan risalah.
 - (a) Tiada maklumat spesifik berkaitan perbelanjaan pelancongan mengikut DUN.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

21. Senaraikan tempat-tempat yang telah diambil tindakan untuk mengatasi masalah banjir mengikut agensi di DUN Sungai Dua pada tahun 2023.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah melaksanakan lima (5) kerja-kerja tebatan banjir di beberapa kawasan *hotspot* di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Dua pada tahun 2023 seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A**JADUAL 1: SENARAI KERJA-KERJA TEBATAN BANJIR DI DUN SUNGAI DUA BAGI TAHUN 2023**

BIL.	HOTSPOT BANJIR	TAJUK KERJA	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
1	Kg. Merbau Kudung, Kg. Kolam dan Kg. Air Itam Dalam	Kerja-kerja mendalam dan membaiki Sungai Perai serta lain-lain kerja berkaitan	3 Mei 2023	26 Julai 2023
2	Kg. Tok Adam	Kerja-kerja mendalam dan membaiki Sungai Pengkalan Machang serta lain- lain kerja berkaitan	3 Mei 2023	26 Julai 2023
3	Kg. Permatang Che Tak	Kerja-kerja membaik pulih saliran Sungai Lokan	28 Jun 2023	20 September 2023
4	Taman Desa Murni, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Haji Ahmad Said	Kerja-kerja penyelenggaraan tangki simpanan dan lain-lain kerja berkaitan di Sungai Perai Mati	5 September 2023	4 Disember 2023
5	Kampung Telok	Memulihkan saliran Sungai Telok dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung Telok Sungai Dua	9 September 2023	7 Disember 2023

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

22. Apakah tindakan kerajaan dalam mengatasi masalah gangguan haiwan disebabkan projek perumahan di Sungai Dua Utama yang memusnahkan habitat mereka?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Pengurusan konflik gangguan hidupan liar-manusia di kawasan projek perumahan di Sungai Dua Utama adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perhilitan Negeri Pulau Pinang.

Dari tahun 2020 hingga Mei 2024, Jabatan Perhilitan telah menerima sejumlah sembilan (9) aduan gangguan hidupan liar spesis kera dan 14 aduan gangguan hidupan liar spesis babi hutan dari kawasan perumahan tersebut dan juga kawasan-kawasan sekitarnya.

Antara tindakan yang telah diambil bagi menangani konflik gangguan hidupan liar adalah seperti berikut:

- (i) Menjalankan siasatan aduan;
- (ii) Memberi bantuan khidmat nasihat;
- (iii) Pemantauan secara berjadual;
- (iv) Pemasangan perangkap hidupan liar; dan
- (v) Menjalankan operasi basmi musuh tanaman (kera/babi hutan).

Dari tahun 2020 hingga Mei 2024, pihak Jabatan Perhilitan telah melupuskan 86 ekor kera dan 35 ekor babi hutan. Jabatan Perhilitan akan terus giat melakukan pemantauan bagi menangani masalah gangguan atau konflik hidupan liar-manusia di lokasi berkenaan dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya di masa hadapan bagi menjamin keselamatan dan keselesaan penduduk di kawasan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

23. Apakah status naik taraf dan pelebaran jalan di Pekan Sungai Dua?
- (a) Berapa luas tanah yang diambil oleh kerajaan dan berapa pampasan yang telah dibayar?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Projek penaiktarafan dan pelebaran jalan di Pekan Sungai Dua kini sedang dalam peringkat kajian reka bentuk oleh perunding.
- (a) Keluasan tanah yang terlibat untuk pengambilan balik tanah masih belum dapat ditentukan memandangkan ia masih di peringkat reka bentuk. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) telah mencadangkan supaya reka bentuk geometri jalan hanya melibatkan tanah rizab jalan sedia ada dan tanah milik Kerajaan Negeri sahaja supaya pengambilan balik tanah melibatkan lot tanah individu dapat dielakkan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk meminimumkan kos projek selain dapat memendekkan tempoh masa yang diperlukan untuk pelaksanaan projek tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

24. Senaraikan aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan oleh Penang Global Tourism (PGT) dalam mempromosikan *port* makanan di DUN Sungai Dua.
- (a) Senaraikan laman web atau media sosial yang terlibat.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. PGT telah mempromosikan premis-premis makanan di Sungai Dua melalui media sosial, brosur dan lain-lain. PGT akan meneroka dan mengesyorkan kawasan Sungai Dua untuk acara dan aktiviti pemasaran pelancongan. Selain itu, PGT akan meneruskan usaha untuk mempromosikan makanan dan tarikan pelancongan di kawasan Sungai Dua.
- (a) Laman web atau media sosial yang terlibat adalah :
- (i) Facebook:Penang Global Tourism;
 - (ii) Instagram: penang.experience;
 - (iii) Youtube: @PenangGlobalTourism; dan
 - (iv) Tiktok: @experiencepenang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

25. Berapakah peruntukan MARRIS di DUN Sungai Dua dari tahun 2020 sehingga kini?
- (a) Apakah usaha kerajaan menyelesaikan masalah jalan beralun dari Sungai Dua ke Lahar Yooi dan dari Sungai Lokan ke Permatang Tiga?
 - (b) Apakah solusi kerajaan menyelesaikan masalah jalan sempit antara Pekan Sungai Dua ke Taman Sungai Dua Utama?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Sejumlah RM19,703,510.12 dari peruntukan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) telah dibelanjakan oleh pelbagai agensi seperti Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP), Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Dua sejak tahun 2020 sehingga bulan Mei 2024.
- (a) Dalam usaha menyelesaikan masalah jalan beralun dari Sungai Dua ke Lahar Yooi dan dari Sungai Lokan ke Permatang Tiga, Kerajaan Negeri melalui JKRPP melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan secara kopak dan tampal (*mill and pave*). Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan ini adalah bergantung kepada keperluan dan ketersediaan peruntukan semasa.

- (b) Bagi menyelesaikan masalah jalan sempit di antara Pekan Sungai Dua ke Taman Sungai Dua Utama, JKRPP mempunyai perancangan untuk melaksanakan pelebaran jalan dua (2) lorong dua (2) hala sedia ada kepada enam (6) lorong dua (2) hala. Walau bagaimanapun, kerja-kerja tersebut hanya dapat dilaksanakan setelah paip utama milik Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dialihkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

26. Senaraikan padang-padang awam dan pihak yang bertanggungjawab serta menyelenggara di DUN Sungai Dua.
- (a) Apakah usaha kerajaan untuk menyediakan padang bola sepak yang tiada di DUN ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Senarai padang awam di DUN Sungai Dua yang dikawal selia dan dipantau oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara adalah seperti berikut:

Bil	Padang	Pihak Bertanggungjawab
1.	Padang Awam Simpang Empat Permatang B	Diuruskan oleh MPKK Simpang Empat Permatang Buluh
2.	Padang Bola Dewan Besar Sungai Dua	PDT SPU (dalam proses Permohonan naik taraf)

Selain padang awam di atas, terdapat lain-lain kawasan lapang yang sering dijadikan padang bola oleh penduduk di mana kawasan lapang tersebut terletak di bawah seliaan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sebagai agensi penyelenggara. Senarai kawasan lapang dan padang awam di DUN Sungai Dua di bawah selenggaraan MBSP adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) MBSP sentiasa berusaha dan komited dalam menyediakan kemudahan riadah seperti padang bola di DUN Sungai Dua. Pada tahun 2021, MBSP telah menaik taraf kawasan lapang di Taman Desa Murni, Lorong Murni 1 dengan penyediaan

kemudahan gelanggang futsal dengan peruntukan sebanyak RM50,000.00.

Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sedia mempertimbangkan permohonan untuk pembinaan padang bola sepak baharu serta lain-lain fasiliti dan kemudahan sukan tertakluk kepada permintaan dan penggunaan semasa. Antara projek menaik taraf yang telah dilaksanakan di DUN Sungai Dua adalah seperti berikut:

- (i) Pembinaan Gelanggang Takraw di Dewan Simpang Empat Permatang Buloh, Sungai Dua dengan kos berjumlah RM16,000.00; dan
- (ii) Pembinaan Gelanggang Takraw Taman Sungai Dua Utama, KADUN Sungai Dua dengan kos berjumlah RM18,000.00.

LAMPIRAN A**Senarai kawasan lapang dan padang awam di DUN Sungai Dua.**

Bil.	No. Lot	Lokasi	Keluasan (Hektar)
1.	1241	Taman Merbau Indah, Lorong Merbau Indah 7	1.15
2.	4940	Taman Desa Murni, Lorong Murni 17	0.70
3.	5957	Taman Seri Murni, Lorong Pengkalan Machang 7	0.17
4.	4941	Taman Desa Murni, Lorong Murni 24	0.73
5.	4942	Taman Desa Murni, Lorong Murni 28	0.05
6.	4943	Taman Desa Murni, Lorong Murni 3	0.43
7.	4944	Taman Desa Murni, Jalan Seri Murni	0.22
8.	5019	Taman Desa Murni, Lorong Murni 11	0.04
9.	5021	Taman Desa Murni, Lorong Murni 11	0.12
10.	5250	Taman Merbau Indah, Lorong Merbau Indah 11	0.17
11.	5261	Taman Merbau Indah, Lorong Merbau Indah 11	0.11
12.	5270	Taman Merbau Indah, Lorong Merbau Indah 1	0.12
13.	5271	Taman Merbau Indah, Lorong Merbau Indah 11	0.12
14.	5336	Taman Merbau Indah, Lorong Merbau Indah 11	0.22
15.	5348	Taman Merbau Indah, Lorong Merbau Indah 11	0.26
16.	8530	Taman Merbau Indah, Lorong Merbau Indah 6	0.29
17.	5395	Taman Merbau Indah, Lorong Merbau Indah 5	0.12
18.	5665	Taman Desa Murni, Lorong Seri Murni 6	1.09
19.	5669	Taman Desa Murni, Lorong Seri Murni 6	0.07
20.	5670	Taman Desa Murni, Lorong Seri Murni 2	0.44
21.	5672	Taman Desa Murni, Lorong Seri Murni 2	0.08
22.	5667	Taman Desa Murni, Lorong Seri Murni 6	0.08
23.	5958	Taman Desa Murni, Lorong Seri Murni 5	0.61
24.	7529	Taman Merbau Indah, Lorong Merbau Indah 16	1.64
25.	8531	Taman Merbau Indah, Lorong Merbau Indah 6	0.26
26.	4003	Taman Desa Murni, Persiaran Murni	0.94
27.	4002	Taman Desa Murni, Jalan Sungai Dua	0.11
28.	4852	Taman Sungai Dua Utama, Lorong Sungai Dua Utama 13	0.12
29.	4850	Taman Sungai Dua Utama, Lorong Sungai Dua Utama 6	0.42
30.	4856	Taman Sungai Dua Utama, Jalan Sungai Dua Utama 3	0.40
31.	4853	Taman Sungai Dua Utama, Jalan Sungai Dua Utama 26	0.25
32.	4854	Taman Sungai Dua Utama, Jalan Sungai Dua Utama 1	0.52
33.	4857	Taman Sungai Dua Utama, Jalan Sungai Dua Utama 1	0.16
34.	4855	Taman Sungai Dua Utama, Jalan Sungai Dua Utama 3	0.27
35.	4858	Taman Sungai Dua Utama, Jalan Sungai Dua Utama 3	0.12

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

27. Senaraikan kontraktor pengutip sampah bagi setiap PBT.
- Berapakah peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan kepada semua kontraktor ini?
 - Adakah kerajaan bercadang menjadikan kontraktor tunggal untuk kerja pengutipan sampah ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Senarai kontraktor pengutip sampah di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

MBPP	MBSP
i. Syarikat Firwan Merican Sdn. Bhd.;	
ii. RT Jaya Sdn. Bhd.;	Tiada. Dilaksanakan oleh MBSP di seluruh Seberang Perai.
iii. Paper Plane Sdn. Bhd.;	
iv. Nava Service Sdn. Bhd.;	

<p>v. Strength One Resources Sdn, Bhd.;</p> <p>vi. Excel Strength Venture Sdn. Bhd.; dan</p> <p>vii. Al-Saffi Maju Sdn. Bhd.</p>	
--	--

Jadual 1: Senarai kontraktor pengutip sampah di MBPP dan MBSP.

- (a) Butiran peruntukan yang disediakan oleh PBT kepada semua kontraktor yang terlibat dengan perkhidmatan pungutan sampah adalah seperti di **Jadual 2** berikut:

MBPP	MBSP
<p>Jumlah peruntukan yang disediakan setahun bagi perkhidmatan pungutan sampah bagi tujuh (7) kontraktor tersebut adalah sebanyak RM26,428,371.36 setahun.</p>	<p>Tiada, dilaksanakan oleh MBSP di seluruh Seberang Perai.</p>

Jadual 2: Butiran peruntukan yang disediakan oleh PBT kepada kontraktor-kontraktor yang terlibat dengan perkhidmatan pungutan sampah.

- (b) Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk melantik kontraktor tunggal untuk kerja pengutipan sampah di negeri ini.

SENARAI KUARI AKTIF DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BIL.	NO. RUJUKAN & TARikh KELULUSAN	TAJUK	STATUS
1	MPPP/OSC/KT(798)/12(LB) 5/6/2012	CADANGAN KERJA TANAH BAGI OPERASI KUARI DI ATAS LOT 277, 627, 628, 629 & 2342 JALAN TELUK TEMPOYAK, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG TETUAN HANSON QUARRY PRODUCTS SDN. BHD.	AKTIF
2	JK(J)/OSC/KT1620/20(LB) 11/2/2020	CADANGAN KERJA TANAH BAGI OPERASI KUARI DI ATAS LOT 625, 1306 & 1307, JALAN TELUK TEMPOYAK, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG. TETUAN HANSON QUARRY PRODUCTS SDN. BHD.	AKTIF
3	JK(J)/OSC/KT1647/2020(LB)/103958-1	CADANGAN PELAN KERJA TANAH UNTUK KUARI DI ATAS LOT 89, 94, & 3575, MUKIM 18, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG. UNTUK TETUAN TEIK GRANITE QUARRY SDN. BHD.	AKTIF

SENARAI KUARI TIDAK AKTIF DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BIL.	NO. RUJUKAN & TARikh KELULUSAN	TAJUK	STATUS
1	-	BOON SEIW KUARI DI BUKIT GAMBIR	TIDAK AKTIF
2	JK(J)23(TK)/2016	TELUK BAHANG KUARI	TIDAK AKTIF

LAMPIRAN B**SENARAI KUARI-KUARI YANG AKTIF DAN TIDAK AKTIF DI SEBERANG PERAI**Seberang Perai Utara

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan ikut Pelan Kerja Tanah	Status
1	Lock Huat Holding Sdn. Bhd.	1253, Mukim 13, Jarak	Lock Huat Holding Sdn. Bhd. No. 23, Lebuh Pantai, 10300 Pulau Pinang	Tanah Merah	04.04.2008	2.145 ha	Aktif Lulus PKM 17.08.2007
2	Siri Hwa Agency Sdn. Bhd.	Sebahagian lot 1285, Mukim 13, Jarak	Koperasi Mahadaya Berhad 26A, Jalan Scott, 50470 Brickfileds, Kuala Lumpur	Tanah Merah	21.11.2002	12.216 ha	Tidak Aktif Tiada PKM (kuari tanah lama)
3	Ismail Trading & Transport	Sebahagian lot 1815 (lot lama 1285), Mukim 13, Jarak	Ismail Trading & Transport No. 19, Jalan 14/7, Seksyen 7, Bandar Mahkota Cheras, Batu 11, 43200 Cheras, Selangor	Tanah Merah	02.10.2011	4.580 ha	Tidak Aktif Lulus PKM 02.05.2010

Seberang Perai Tengah

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan ikut Pelan Kerja Tanah	Status
4	Tar San Quarry Sdn Bhd <i>Operator : Hanson Quarry Sdn. Bhd.</i>	379, 381, 1257, 1259, 1263 dan 1264, Mukim 20, Kubang Ulu	Tar San Quarry Sdn. Bhd. d/a Hanson Quary Sdn. Bhd. Lot 1264, Mukim 20, Kubang Semang, 14400 Bukit Mertajam	Batu Granite	01.10.2002	4.553 ha	Tak Aktif Tiada PKM (<i>pemutihan</i>)
5	Foo Yen Soo Sdn Bhd <i>Operator : Foo Yen Soo Sdn Bhd</i>	166-168, 1422, 1424, 1450-1452 dan 1957, Mukim 17, Berapit	Foo Yen Soo & Sons Sdn. Bhd. No. 2519, Mukim 17, Jalan Berapit, 14000 Bukit Mertajam	Batu Granite	11.11.2002	5.7 ha	Aktif Tiada PKM (<i>pemutihan</i>)
6	Kuad Sdn Bhd	PT44 (lot asal 410, 959 & 1265), Mukim 20, Kubang Ulu	Kuad Sdn. Bhd. d/a Kuari Penanti, Mukim 20, Penanti 14000 Bukit Mertajam	Batu Granite	19.04.2002	9.553 ha	Tak Aktif <i>Tanah Pajakan Kerajaan</i> Tiada PKM (<i>pemutihan</i>)

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan Ikut Pelan Kerja Tanah	Status
7	Batu Tiga Quarry Sdn Bhd <i>Operator : Batu Tiga Quarry Sdn Bhd</i>	1509, Mukim 20, Guar Perahu	Batu Tiga Quary Sdn. Bhd. Lot 401 (1), Mukim 20, Bukit Guar Ipoh, Kubang Semang, 14400 Bukit Mertajam.	Batu Granite	08.01.2003	3.276 ha	Tidak boleh beroperasi kerana melebihi had
8	Syarikat Boon Seraksi Sdn. Bhd. <i>Operator : Hanson Quarry Sdn. Bhd.</i>	908, Sebahagian lot 3336 dan Sebahagian lot 1610, Mukim 20, Kubang Ulu	Boon Sun Seraksi Sdn. Bhd. d/a Hanson Quary Sdn. Bhd. Lot 1264, Mukim 20, Kubang Semang, 14400 Bukit Mertajam	Batu Granite	06.08.2002	2.007 ha	Tak Aktif Tiada PKM (<i>pemutihan</i>)
9	Teik Granite Quarry Sdn. Bhd. <i>Operator : TGQ (Air Itam) Sdn. Bhd.</i>	707 dan 411, Mukim 20, Kubang Ulu	Teik Granite Quarry Sdn. Bhd. Lot 401 (1), Mukim 20, Penanti 14400 Bukit Mertajam	Batu Granite	16.07.2002	5.08 ha	Aktif Tiada PKM (<i>pemutihan</i>)

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan Ikut Pelan Kerja Tanah	Status
10	Tar San Quarry Sdn. Bhd.	3336, 653, 1591, 647, 865, 863, 861, 859, 652 dan 648, Mukim 20, Kubang Ulu	Tar San Quarry Sdn. Bhd. d/a Hanson Quary Sdn. Bhd. Lot 1264, Mukim 20, Kubang Semang, 14400 Bukit Mertajam	Batu Granite	08.01.2003	4.937 ha	Tidak Aktif Tiada PKM (pemutihan)
11	Weng Lee Granite Quarry Sdn. Bhd.	229 ,238, 248 dan 1486- 1491, Mukim 17, Berapit	Weng Lee Granite Quarry Sdn. Bhd. No. 769, Jalan Berapit, 14000 Bukit Mertajam	Batu Granite	15.07.2002	14 ha	Tidak Aktif <i>Arahan MBSP berhenti aktiviti pada 03.04.2013</i> Tiada PKM (pemutihan)
12	Saw Chong Teok Sdn. Bhd. Operator : Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.	Sebahagian lot 834 - 16 ekar, (lot baru 3460) (lot lama PT 3 / 659), Mukim 12, Bukit Juru	Saw Chong Teok Sdn. Bhd. d/a Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd. Lot 1545, Mukim 12, Jalan Sungai Sembilang, Juru,	Batu Granite	19.11.2002	6.475 ha	Aktif Tanah Pajakan Kerajaan Tiada PKM (pemutihan)

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan Ikut Pelan Kerja Tanah	Status
			14000 Bukit Mertajam				
13	Hunza Land Corporation Sdn. Bhd. Operator : Lim Chuan Hock & Sons Sdn. Bhd.	1022 dan 1885, Mukim 12, Juru	Hunza Land Corporation Sdn. Bhd. No. 163E-19-01 & 20-01, Hunza Tower, Kelawai Road, 10250 Pulau Pinang	Batu Granite	09.03.2015	15.645 ha	Tak Aktif Kuari Pembangunan - Perumahan Lulus PKM pada 25.06.2014
14	Lean Seng Chan Quarry Sdn. Bhd.	549, 1019, 1283, 1284, 1333, 1334, 1337 - 1341 dan 1348 - 1351, Mukim 12, Tok Kangar, Juru	Lean Seng Chan Quarry Sdn. Bhd. No. 65, Sri Bahari Road, 10050 Pulau Pinang	Batu Granite	05.03.2013	19.526 ha	Tidak Aktif Operasi telah ditamatkan pada 31.12.2015 Tiada PKM (pemutihan)
15	PBA Pulau Pinang Operator : Impian Mawar Sdn. Bhd.	1020, 1023, 1024 dan 1344, Mukim 12, Tok Kangar, Juru	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Tingkat 32 & 33, KOMTAR, Jalan Penang	Batu Granite Tanah Merah	29.11.2011	19.562 ha	Aktif Kuari Pembangunan - 3 Buah Tangki Air.

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan Ikut Pelan Kerja Tanah	Status
			10000 Geortown				
16	JKP Sdn. Bhd. Operator : tiada maklumat	3509 (PT. No. 83), Mukim 20, Guar Perahu,	JKP Sdn. Bhd. No.128, Bangunan UMNO, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang	Tanah Merah	13.02.2013	16.567 ha	Tak Aktif Kuari Pembangunan - Perumahan Lulus PKM pada 12.08.2009 Tanah Pajakan Kerajaan
17	Cantum Kaya Sdn. Bhd.	669 dan 670, Mukim 11, Bukit Tengah	Cantum Kaya Sdn. Bhd. B-5-17, Krystal Points, 303, Jalan Sultan Azlan Shah, 11900 Sungai Nibong, Pulau Pinang	Batu Granite	18.01.2005	4.36 ha	Tidak Aktif Kuari Pembangunan - Perumahan Lulus PKM pada 13.07.2004
18	E-Approch Sdn. Bhd.	925 - 928, 961, 364 dan sebahagian lot 669, Mukim 11, Bukit Tengah	E-Approch Sdn. Bhd. B-5-17, Krystal Points, 303, Jalan Sultan Azlan Shah,	Batu Granite	30.11.2006	3.38 ha	Tidak Aktif Kuari Pembangunan - Perumahan

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan Ikut Pelan Kerja Tanah	Status
			11900 Sungai Nibong, Pulau Pinang				Lulus PKM pada 15.06.2005
19	Nam Heng Brothers	238, 1484, 1485, 1486, 198, 192, 200, 251, 1928, 252 dan 253, Mukim 17, Berapit	Nam Heng Brothers 66, Jalan Bunga Raya, 14000 Bukit Mertajam	Batu Granite	08.01.2003	10.507 ha	Aktif
20	Asas Dunia Berhad	572, Mukim 14, Jalan Impian Indah 1	Asas Dunia Berhad No. 228-B, Wisma Asas, Lebuh Chulia, 10200 Pulau Pinang	Tanah Merah	Belum Kemukakan Permohonan	2.1 ha	BELUM OPERASI Lulus PKM pada 09.03.2016
21	Batu Tiga Quarry Sdn Bhd	PT97 (sebahagian lot 856) dan PT43 (sebahagian lot 3336), Mukim 20, Kubang Ulu ** PT 43 Lulus Pelan Kerja Tanah atas nama	Batu Tiga Quary Sdn. Bhd. Lot 401 (1), Mukim 20, Bukit Guar Ipoh, Kubang Semang, 14400, Bukit Mertajam.	Batu Granite	Permohonan ditolak	2.092 ha	BELUM OPERASI Lulus PKM pada 22.07.2011 Pelan Kerja tanah ditolak kerana terdapat penambahan lot (tidak selari dengan kelulusan)

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan Ikut Pelan Kerja Tanah	Status
		Tar San Quarry Sdn. Bhd.					PKM) Tanah Pajakan Kerajaan
22	Batu Tiga Quarry Sdn Bhd	1545, 833 dan PT 9, Mukim 12, Bukit Juru	Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd. Lot 1545, Mukim 12, Jalan Sungai Sembilang, Juru 14000 Bukit Mertajam	Batu Granite	Belum Kemukakan Permohonan	568.380 ha	Aktif Lulus PKM pada 24.04.2014 Kelulusan PKM hanya melibatkan lot 833 dan 1545 sahaja

Seberang Perai Selatan

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan Ikut Pelan Kerja Tanah	Status
23	Loh Thow Yoong Sdn. Bhd.	398, 399, 400 dan 401, Mukim 14, Batu Kawan	Loh Thow Yoong Sdn. Bhd. No. 24, Jalan	Tanah Merah Batu Granite	12.09.1997	11.85 ha	Aktif Tiada PKM (<i>kuari tanah lama</i>)

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan Ikut Pelan Kerja Tanah	Status
			Kuarantin Lama, 34000 Taiping, Perak				
24	Ong See Huat Sdn. Bhd. <i>Operator : tiada maklumat</i>	1838, 2568, 2569 dan 2587, Mukim 11, Bukit Changkat	Ong See Huat Sdn. Bhd. 426, Sungai Rambai, 14000 Bukit Mertajam	Tanah Merah	17.08.1979	25.540 ha	Tak Aktif Tiada PKM (<i>kuari tanah lama</i>)
25	PDC <i>Operator : PDC Nusabina Sdn. Bhd.</i>	176, 1449 dan sebahagian lot 248, Mukim 13, Batu Kawan (Pembakaian Cerun)	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Bangunan Tun Dr Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, 11909 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Batu Granite Tanah Merah	10/12/2008	5.143 ha	Tak Aktif <i>Kuari Pembangunan - Padang Golf dan Resort.</i> Lulus PKM pada 15.1.2014

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan Ikut Pelan Kerja Tanah	Status
26	Cemex Aggregates (Penang) Sdn. Bhd. Operator : Cemex Aggregates (Penang) Sdn. Bhd.	407,408 dan 409, Mukim 14, Jalan Batu Kawan	Cemex Aggregates (Penang) Sdn. Bhd. 1461, Jalan Batu Kawan 14100 Bukit Tambun, SPS	Batu Granite	08.06.2012	17.588 ha	Aktif Tiada PKM (pemutihan)
27	Intimber (M) Sdn. Bhd. (Wellepeq) Operator : Hanson Quarry Products Sdn. Bhd.	267, 171, 170, 169, 40, 41, 129, 134, 135 dan 213, Mukim 3, Lima Kongsi	Welepeq Sdn. Bhd. No. 23, Promenade 28 Persiaran Kapal Singh 11600 Pulau Pinang	Batu Granite	27.01.2004	32.891 ha	Aktif Lulus MMK bil 42/2003 pada 31.12.2003
28	Mohd. Jamil Bin Abd. Malik & Abdul Malik Bin	378, Mukim 3, Tasek	Mohd. Jamil Bin Abd. Malik & Abdul Malik Bin Pawanchee T&P	Tanah Merah	15.09.2011	13.62 ha	Tak Aktif Lulus PKM pada 20.10.2010

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan Ikut Pelan Kerja Tanah	Status
	Pawanchee <i>Operator :</i> <i>Ban Cheong Construction Sdn. Bhd.</i>		Subang Sdn. Bhd. E-60-0, East Wing, Subang Square, 47500 Selangor				
29	Kebun Ngohoch (PW) Sdn. Bhd.	408, Mukim 3, Sungai Baong	Kebun Ngohoch (PW) Sdn. Bhd. No. 1818, Jalan Rozhan, Alma, 14000 Bukit Mertajam	Tanah Merah	18.06.2012	45.528 ha	Aktif Lulus PKM pada 10.08.2011
30	PDC <i>Operator :</i> <i>MDR Bina (M) Sdn. Bhd.</i>	144, 276, dan 277, Mukim 13, Batu Kawan (Batu Musang)	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Bangunan Tun Dr Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar	Batu Granite	12.05.2007	6.070 ha	Tak Aktif <i>Kuari Pembangunan - Padang Golf dan Resort</i>

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan Ikut Pelan Kerja Tanah	Status
			Bayan Baru, 11909 Bayan Lepas, Pulau Pinang				
31	Asas Dunia Bhd <i>Operator : Andesite Quarry Sdn. Bhd.</i>	1277, 789, 175, 814, 815, 964, 810, 78, 173, 584, 585, 727, 791, 792, 179 dan sebahagian lot 171, Mukim 4, Lima Kongsi	Asas Dunia Berhad No. 228-B, Wisma Asas, Lebuh Chulia, 10200 Pulau Pinang	Tanah Merah	07.06.2010	25.859 ha	Aktif Lulus PKM pada 30.12.2009
32	Asas Dunia Bhd.	196, 197, 199, 200, 366, 502-504, 506, 787, 817-820, 954, 961-963, 966, 1090, 1104, 1105, 1207 dan 1208, Mukim 4, Lima Kongsi	Asas Dunia Berhad No. 228-B, Wisma Asas, Lebuh Chulia, 10200 Pulau Pinang	Tanah Merah	29.11.2011	54.557 ha	Tidak Aktif Lulus PKM pada 14.01.2011

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan Ikut Pelan Kerja Tanah	Status
33	Wah Dor Farming Sdn. Bhd.	175 dan 266, Mukim 3, Lima Kongsi	Wah Dor Farming Sdn. Bhd. Jalan Lima Kongsi, 14200 Sungai Bakap, SPS	Tanah Merah	20.01.2010	1.787 ha	Tidak Aktif Lulus PKM pada 30.12.2009
34	PDC	Sebahagian lot 135, 143, 144, 275 dan 276, Mukim 13, Batu Kawan	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Bangunan Tun Dr Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, 11909 Pulau Pinang	Tanah Merah	06.11.2006	296 ekar	Tidak Aktif Lulus PKM pada 29.04.2005
34	Asas Dunia Bhd. (Tan Poh Seng dll)	331, 332, 336, 339 dan 340, Mukim 6, Jalan Krian-Kedah	Asas Dunia Berhad No. 228-B, Wisma Asas, Lebuh Chulia, 10200 Pulau Pinang	Tanah Merah	05.10.1999	18.418 ha	Tidak Aktif Tiada PKM (<i>kuari tanah lama</i>)
35	Leep Key Sdn. Bhd.	459, Mukim 1, Tasek	Leep Key Sdn. Bhd. 124, Jalan Kangar, 01000 Kangar, Perlis	Tanah Merah	29.12.1990	15.07 ha	Tidak Aktif Tiada PKM (<i>kuari tanah lama</i>)

Bil	Tuan Tanah / Operator	No Lot, Mukim, lokasi	Alamat Terkini	Jenis Kuari	Tarikh Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Keluasan Ikut Pelan Kerja Tanah	Status
36	Kerjapuri Sdn. Bhd. <i>Operator : Sasmax Quarry Sdn. Bhd.</i>	140, 151, 152 dan 391, Mukim 3, Lima Kongsi	Kerjapuri Sdn. Bhd. No. 1146, Mukim 16, Kampung Teluk, Sungai Dua, 13800 Butterworth	Tanah Merah	17.02.2012	19.609 ha	Aktif Lulus PKM pada 24.08.2011

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

28. Apakah status hendak menghidupkan kembali kuari untuk projek-projek di Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan kuari-kuari yang aktif dan tidak aktif di negeri ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

28. Merujuk kepada punca kuasa yang diberikan kepada pihak Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Kaedah-Kaedah Kuari Pulau Pinang 2018, sebarang permohonan untuk menjalankan kuari baharu atau mengurus semula kuari lama hendaklah mendapatkan kelulusan Lesen Operasi Kuari. Permohonan Lesen Operasi Kuari hendaklah dibuat secara bertulis kepada Inspektor Kuari Kanan dan jika diluluskan, pemohon hendaklah mengemukakan bayaran sebanyak RM 1,000 sebagai fi pengeluaran lesen. Lesen Operasi Kuari ini mempunyai tempoh sahlaku selama satu (1) tahun dan permohonan bagi mendapatkan Lesen Operasi Kuari hendaklah disertakan bersama skim kuari yang dikemukakan melalui konsultan jurutera perlombongan atau sumber mineral profesional atau mana-mana jurutera profesional lain yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia dan mempunyai pengalaman pengkuarian yang mencukupi. Selain itu, pengoperasian semula kuari lama juga tertakluk kepada peruntukan undang-undang lain seperti Kanun Tanah Negara 1965, Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Pulau Pinang 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan lain-lain yang berkaitan.

Pemohon perlu membuat permohonan semula Permit 4B Lesen Pendudukan Sementara dan Permit yang disatukan untuk mengeluarkan bahan batuan bagi tanah Kerajaan dan Permit 4C

bagi mengeluarkan bahan batuan bagi tanah persendirian. Pemohon perlu mendapatkan kelulusan Pelan Kerja Tanah (PKT) dan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), *Environmental Impact Assessment* (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS), surat pengesahan *zoning* daripada MBSP (jika zon pertanian, mohon perlindungan semula), mendapatkan Lesen Operasi Kuari daripada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah Kuari Pulau Pinang 2018. Bagi tanah yang berstatus *First Grade* dan *Condition A & B*, permit 4C tidak diperlukan.

- (a) Senarai kuari-kuari yang aktif dan tidak aktif di pulau adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan di Seberang Perai seperti di **LAMPIRAN B**.

**SENARAI PERMOHONAN KERJA-KERJA PELETUPAN BATU TERKAWAL ANTARA
TAHUN 2020-2023**

BIL	NAMA PROJEK	PEMOHON	STATUS
TAHUN 2020			
1.	Permohonan Kebenaran Untuk Menjalankan Kerja Peletupan "Caisson" Oleh Syarikat Soil Mechanic Sdn. Bhd. Di Atas Lot 149, Jalan Permatang Damar Laut, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Jayamas Pintar Sdn. Bhd.	Tamat
2.	Permohonan Menjalankan Kerja Peletupan di Atas Lot 20427 (Lot Lama 9832 Dan Lot 9841), Tingkat Paya Terubong 4, Mukim 13. Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Ay Venture	Tamat
3.	Permohonan Kerja Peletupan Cadangan Kerja Tanah "Memorial Park" Di Atas Lot 1161, 1877 Mukim 17, Sungai Lembu, Bukit Mertajam, Pulau Pinang	HBA Utama Enterprise	Tamat
TAHUN 2021			
4.	Permohonan Kebenaran Untuk Menjalankan Kerja Peletupan di Kawasan Projek Cadangan Mendirikan 1 Blok Pangsapuri 34 Tingkat Tapak Pusat Pencawang Utama Lebuh Bukit Jambul, Di Atas Lot 20345 (11647 Lot 10263) Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Worldwide Ventures Sdn Bhd	Tamat
5.	Permohonan Kebenaran Untuk Menjalankan Kerja Peletupan Batu Di Atas Tapak Projek Cadangan Mendirikan 1 Blok Pangsapuri 31 Tingkat, Blok Pangsapuri 35 Tingkat, Blok Hotel Dan Komersial 25 Tingkat Di Jalan Tun Dr Awang di Atas Sebahagian Lot 7602, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Definate Harmony Development Sdn Bhd	Aktif
6.	Permohonan Kebenaran Untuk Kerja-Kerja Letupan Caisson Di Lot 72431 Dan 72432 Jalan Tun Dr Awang, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Definate Harmony Development Sdn Bhd	Tamat
7.	Permohonan Kebenaran Untuk Menjalankan Kerja-Kerja Peletupan Batu Di Tapak Projek "Pelan Kerja Tanah Untuk Pindaan Kepada Pelan Kerja Tanah Yang Diluluskan (Mpsp/50/9-74/41) Bagi Cadangan Kerja Tanah di Atas Lot	HS Quarry (JV) Sdn Bhd	Aktif

	400-401, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang		
8.	Permohonan Kebenaran Untuk Menjalankan Kerja Peletupan di Lot 20360-20376, Changkat Sungai Ara 6, Mukim 10, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Kewira Jaya Sdn Bhd	Aktif
9.	Permohonan Kebenaran Untuk Menjalankan Kerja Peletupan "Control Blasting" Lot 586 Dan 675, Mukim 10, Changkat Sungai Ara 11, Barat Daya, Pulau Pinang	Lim Chin Eik Engineering Sb	Tamat
TAHUN 2022			
10.	Permohonan Kebenaran Untuk Menjalankan Kerja Peletupan Caisson Bagi Cadangan Mendirikan Blok Pangsapuri 34 Tingkat, Menara Pangsapuri 30 Tingkat, 4 Tingkat Podium Tempat Letak Kenderaan, Kemudahan Masyarakat Dan Rekreasi, 4 Tingkat Tempat Letak Kenderaan Bawah Tanah, Tapak Pusat Pencawang Utama Lebuh Bukit Jambul, Di Atas Lot 20345 Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Ban Soon Aik Construction Sdn Bhd	Tamat
11.	Permohonan Kebenaran Untuk Menjalankan Kerja Peletupan Bagi Cadangan Pindaan Dan Tambahan Daripada 1 Blok Rumah Pangsa 20 Tingkat Dengan Podium Tempat Letak Kenderaan, 1 Blok Kompleks Pedagangan/Ruang Letak Kenderaan 7 Tingkat, 1 Blok Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah, Blok Kondominium 29 Tingkat, 1 Blok Rumah Pangsa 25 Tingkat, 1 Blok Apartment 4 Tingkat Dan 1 Tingkat Kemudahan Masyarakat Di Atas Lot 20252, 20253, 20283 & 1804, Mukim 11, Daerah Barat Daya, Jalan Teluk Kumbar, Pulau Pinang	Wisma Dayamas Sdn Bhd	Tamat
12.	Pemajuan Bercampur Di Atas Lot 2920, Pt 3986 Dan Sebahagian Lot 2921 Dan Lot 292 Jalan Bukit Gambir, Sungai Dua, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Gambier Sanctuaries Sdn Bhd	Tamat
13.	Cadangan Mendirikan Satu Unit Kilang Di Atas Plot 25 Jalan PSPN 3, Penang Science Park North, Mukim 13, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Ktch Binajaya Sdn Bhd	Tamat

LAMPIRAN A

14.	Cadangan Mendirikan Satu Unit Kilang Di Atas P24, Jalan PSPN 3, Penang Science Park North, Mukim 13, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Ktch Binajaya Sdn Bhd	Tamat
15.	Cadangan Skim Pembangunan Satu Blok Pangsgupri 23 Tingkat Di Atas Lot 4723 (Lot Lama 652) Jalan Pinang, Juru, Mukim 13, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Soil Mechanic Sdn Bhd	Tamat

TAHUN 2023

16.	Projek "Penang Major Roads & Third Link Project, Package: Ayer Hitam - Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu Bypass".	Consortium Zenith Construction Sdn Bhd	Aktif
17.	Projek Jalan-Jalan Utama Di Pulau Pinang. Package 2: Ayer Hitam - Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu Bypass Pulau Pinang	Soil Mechanic Sdn Bhd	Tamat
18.	Kerja Menstabilkan Cerun Dan Pembinaan Jalan Lingkaran 66 Kaki Di Atas Sebahagian Tanah Rezab Jalan Kerajaan, Mukim 18, Mount Erskine, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Aspen Vision Ventures Sdn Bhd	Aktif
19.	Pembinaan Satu Blok Rumah Pangsa Mampu Milik 46 Tingkat Di Lot 362, 21173, 21174, 20088-20092 Mukim 11, Daerah Barat Daya, Jalan Permatang Damar Laut, Pulau Pinang	Clyc Construction	Aktif
20.	Cadangan Mendirikan Satu Blok 4 Tingkat Pusat Jagaan Orang Tua Di Atas Lot 1156, 1157, 1158, 1167, 1172-1225 Tanah Kerajaan Petak B Dan Petak C Dan Sebahagian Tanah Kerajaan Petak A Mukim 4, Daerah Barat Daya, Balik Pulau, Pulau Pinang	Lim Chin Eik Engineering Sdn Bhd	Aktif

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

29. Senaraikan semua peletupan batu terkawal yang dilaksanakan dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Berapakah jumlah pampasan yang diberikan kepada penduduk Jay Series yang terkesan dengan sepihan peletupan batu terkawal di sini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

29. Berdasarkan maklum balas Jabatan Mineral dan Galian (JMG) Kedah / Perlis / Pulau Pinang, sebanyak 20 ulasan teknikal telah diberikan bagi Permohonan Kerja-Kerja Peletupan Batu Terkawal antara tahun 2020-2023. Ulasan ini selanjutnya dikemukakan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi pengeluaran lesen peletupan. Walau bagaimanapun, status terkini hanya sebahagian sahaja pemohon yang masih aktif menjalankan kerja-kerja peletupan. Senarai permohonan kerja-kerja peletupan Batu Terkawal antara tahun 2020-2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Bagi kerja-kerja letupan terkawal hanya dimulakan pada hujung tahun 2022 setelah semua kelulusan bagi kerja-kerja berkenaan diperolehi. Memandangkan kerja-kerja letupan batu terkawal ini merupakan skop kerja utama bagi Projek Paket 2 ini, sehingga kini lebih 600 kali kerja letupan terkawal ini berlangsung di tapak. Kerja ini telah dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan dan pada kebiasaannya, tiada kejadian batu dan tanah berterbangan dalam kuantiti yang besar dan melibatkan jarak yang jauh iaitu sekitar 100 meter dari lokasi peletupan.

Pihak kontraktor telah menanggung semua kerugian akibat daripada kejadian tersebut. Kerugian keseluruhan termasuk kos baik pulih dan pampasan kepada penduduk adalah sekitar RM20,000.00. Harta benda yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) Tujuh buah kereta telah mengalami kerosakan kecil (6 buah kereta telah pun siap dibaiki kecuali sebuah Toyota Vios masih belum kerana pemilik berada diluar negara).
- (ii) Zink bumbung ruang rehat telah berlubang seluas 150mm diameter telah siap dibaiki pada hari kejadian.
- (iii) Air kolam renang terkena percikan tanah merah dengan satu kepingan plat plastik salur penapis telah tercabut telah dibaiki oleh pihak kondominium dan dibiayai oleh pihak kontraktor.